

PPIB realisasi konsep Kampus Ceria UMS

Oleh HENRY BATING

hbating@gmail.com
UB 18-01-2012 B3

PUSAT Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) merealisasikan konsep Kampus Ceria Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan mewujudkan Laman Ilmu dan Laman Ceria.

Naib Canselor UMS, Brig. Jen. Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampon ketika merasmikan dua laman itu hujung minggu lalu meminta seluruh warga kampus agar menggunakan kemudahan itu bagi merangsang keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

"Laman ilmu yang tenang dan memiliki galeri pameran buku-buku hasil kajian kalangan tenaga akademik PPIB, skrin televisyen yang memaparkan pelbagai dokumentari, gambar-gambar kegiatan akademik serta ruang legar untuk warga kampus berinteraksi dan duduk.

"Manakala laman ceria yang mengandungi padang golf mini, gelanggang bola tampar dan sepak takraw dibuka bagi memberikan ruang kepada seluruh warga kampus UMS baik kakitangan mahupun pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan senaman khususnya

senaman diri.

Upacara perasmian itu kemudian diserikan lagi dengan sambutan Tahun Baharu Cina 2012 oleh kalangan warga PPIB dengan menghadirkan tarian singa dan jamuan ala sajian masyarakat Cina.

Terdahulu Dekan PPIB, Lt. Kol. Prof. Madya Dr Ismail Ali memberitahu bahawa laman ilmu yang terletak di foyer PPIB dibuka bertujuan memberikan persekitaran yang selesa kepada kalangan pelajar untuk berbincang dan membaca secara santai.

Laman itu memiliki galeri pameran buku-buku hasil kajian kalangan tenaga akademik PPIB, skrin televisyen yang memaparkan pelbagai dokumentari, gambar-gambar kegiatan akademik serta ruang legar untuk warga kampus berinteraksi dan duduk.

"Manakala laman ceria yang mengandungi padang golf mini, gelanggang bola tampar dan sepak takraw dibuka bagi memberikan ruang kepada seluruh warga kampus UMS baik kakitangan mahupun pelajar untuk melibatkan diri dalam kegiatan senaman khususnya

pada waktu petang," katanya.

Turut hadir Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd Said, Ketua Pustakawan Dg Rukiah Ag Amit, Pengarah UMSKAL, Prof Dr Shariff A.K Omang, Dekan SSS Prof Madya Hj Inon Shaharuddin Abd Rahman, Dekan Sekolah Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat (SKTM), Prof

Madya Dr Rosalam Hj Sarbatly, Dekan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan, Prof Madya Dr Sharifudin Md Shaarani dan Dekan Sekolah Pertanian Lestari, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.

Padang Golf Mini PPIB (PMGC) dalam halaman seluas kira-kira 0.5 ekar mula direkabentuk berkonseptan Chip & Put 18-lubang pada

Julai 2011



KAMARUZAMAN menurunkan tandatangan pada plak sebagai tanda padang golf mini PPIB, UMS dirasmikan dengan sempurna.



KAMARUZAMAN menggunting riben tanda perasmian padang mini golf diiringi tarian singa menandakan sambutan Tahun Baharu Cina PPIB, UMS.

dan siap sebulan kemudian dengan anggaran kos termasuk peralatan kira-kira RM2,000.

Dr Dayu Sansalu yang mengetuai jawatankuasa penyediaan PMGC menyatakan padang itu 90 peratus memiliki ciri-ciri layout sama dengan padang golf sebenar di mana tanda-tanda bagi indeks, jarak, outbound (OB) dan

hazard diletakkan serta menggunakan rumput biasa.

Sebaik PMGC siap sedia digunakan, satu kursus telah diberikan kepada warga PPIB mengenai dengan teknik, peraturan dan peralatan permainan golf.

Menyusul kursus itu, dua kejohanan golf tertutup UMS diadakan bersempena pembukaan rasmi PMGC baru-baru ini.